

Soalan 21

(a) Pilih perkataan antonim yang paling sesuai bagi perkataan bergaris. Tulis jawapan kamu pada ruang yang disediakan.

tajam pandai dungu kecil terang

Contoh:

Hafiz terpaksa mengasah pisau itu kerana tumpul.

tajam

(i) Rumah besar di hujung taman itu tidak berpenghuni.

(ii) Azmir seorang pelajar yang pintar dan rajin membantu gurunya.

(iii) Haikal terpaksa duduk dalam gelap kerana lampu biliknya rosak.

[3 markah]

(b) Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

(i) Ayah memperlahankan kereta kerana ada bonggol di hadapan.

(ii) Kita perlu mengguna topeng yang sesuai sewaktu jerebu.

(iii) Pak Mat menternak kambing dan biri-biri sahaja.

[3 markah]

Betul	Salah	Betul	Salah	Betul	Salah
-------	-------	-------	-------	-------	-------

Soalan 22

(a) Pilih **simpulan bahasa** yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

angkat kaki besar hati hidung tinggi panas hati

(i) Nizam berasa _____ apabila anaknya berjaya dalam pelajaran.

(ii) Mereka _____ selepas selesai makan malam di kedai itu.

[2 markah]

(b) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

(i) "Jangan mandi di sungai itu," kata ibu kepada Amir.

Amir menguruh ibu untuk mandi di sungai itu.

Ibu menegah Amir mandi di sungai itu.

(ii) "Murid-murid perlu membawa kotak tisu untuk mata pelajaran Pendidikan Seni esok," kata Cikgu Murni.

Cikgu Murni meminta murid-murid membawa kotak tisu untuk mata pelajaran Pendidikan Seni esok.

Cikgu Murni memberitahu bahawa pada hari esok murid-murid Pendidikan Seni akan bawa kotak tisu.

[2 markah]

✓	X	✓	X
---	---	---	---